



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

KEJOHANAN SUKAN PEKERJA 2025 (SUPER)

1. Kejohanan SUPER merupakan inisiatif yang diilhamkan oleh YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia (KESUMA) sebagai tanda penghargaan kepada ahli-ahli kesatuan atas peranan penting mereka dalam memperkasa suara pekerja dan memperkukuh ekosistem perburuhan negara. Program ini juga berperanan sebagai platform sukan persahabatan bagi memupuk semangat kesatuan, menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli daripada pelbagai latar belakang.
2. Kejohanan ini merupakan penganjuran sulung yang diperkenalkan sebagai salah satu platform strategik Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekejra (JHEKS) untuk memperkukuh jaringan kerjasama serta menyemai semangat perpaduan dan solidariti dalam kalangan ahli-ahli kesatuan sekerja di seluruh Malaysia.
3. Kejohanan SUPER 2025 berlangsung dari 8 hingga 10 Ogos 2025 di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Nibong Tebal, Pulau Pinang dengan penyertaan lebih daripada 500 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli kesatuan sekerja dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, wakil KESUMA, pengadil, urus setia serta para penyokong.

4. Sebanyak lima (5) acara sukan dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, badminton, picklewood dan e-sukan yang akan disertai oleh pasukan-pasukan yang mewakili sembilan (9) JHEKS Negeri.
5. Kejohanan ini bukan sekadar satu pertandingan sukan, malah merupakan medan mempererat ukhwah, menyemai semangat berpasukan serta membudayakan nilai solidariti – nilai-nilai murni yang amat sinonim dengan perjuangan kesatuan sekerja. Sukan bukan sahaja menyihatkan tubuh badan, tetapi juga mendidik tentang disiplin, daya juang dan kerjasama berpasukan.
6. Sebagai kesinambungan daripada penganjuran program ini, JHEKS akan menganjurkan Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan pada 6 September 2025 di Pulau Pinang, yang dijangka menghimpunkan 3,000 ahli kesatuan sekerja dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
9 OGOS 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	